



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 2 /2022

Timbalan Kétua Pengarah Insolvensi
Pengaruh Insolvensi Bahagian
Pengaruh Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

**GARIS PANDUAN BAGI MEMPROSES PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN
38(1) DAN 85(4) AKTA INSOLVENSİ 1967**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara dalam memproses permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. Bagi tujuan arahan ini –

- (i) "Cawangan" merujuk kepada semua Cawangan Mdl;
- (ii) "Ibu Pejabat" merujuk kepada Bahagian Kebankrapan;

- (iii) "Pegawai Insolvensi" merujuk kepada Pegawai Insolvensi (PI) yang mengendalikan permohonan Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360 di Cawangan; dan
- (iv) "Pengarah Insolvensi Negeri" bermaksud Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC).

LATAR BELAKANG

3. Permohonan di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360 merupakan permohonan yang lazim diterima oleh Jabatan ini dalam menjalankan pentadbiran kes kebangkrutan.
4. Sebelum ini, terdapat beberapa Arahan Jabatan telah dikeluarkan di mana penurunan kuasa diberikan kepada Cawangan untuk memproses dan mempertimbangkan permohonan bankrap di peringkat Cawangan.
5. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang timbul seperti berikut:
 - (a) Terdapat banyak arahan jabatan, adendum serta adendum atas adendum ke atas arahan yang perlu dirujuk dalam memproses dan mempertimbangkan permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360;
 - (b) Terdapat arahan jabatan yang tidak dikemaskini dengan praktis semasa dalam memproses dan mempertimbangkan permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360; dan
 - (c) Ketidakeragaman praktis antara Cawangan dalam memproses permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360.
6. Oleh yang demikian, garis panduan ini dikeluarkan bagi mengemaskini dan menambahbaik proses kerja permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360 di mana disusun dan disatukan di bawah satu garis panduan sahaja agar pengurusan kes kebangkrutan yang lebih baik, seragam, efektif dan sistematik dapat

diterapkan di Jabatan. Hal ini juga dapat memudahkan rujukan PI di Cawangan dalam memproses permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

7. Seksyen 38(1) Akta 360 memperuntukkan seperti berikut:

Duties and disabilities of bankrupt

38. (1) *Where a bankrupt has not obtained his discharged –*

- (a) the bankrupt shall be incompetent to maintain any action (other than an action for damages in respect of an injury to his person) without the previous sanction of the Director General of Insolvency;*
- (b) ...*
- (ba) ...*
- (bb) ...*
- (c) the bankrupt shall not leave Malaysia without the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court;*
- (d) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, enter into or carry on any business either alone or in partnership, or become a director of any company or otherwise directly or indirectly take part in the management of any company;*
- (e) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, engage in the management or control of any business carried on by or on behalf of, or be in the employment of, any of the following persons, namely –*
 - (i) his spouse;*
 - (ii) a lineal ancestor or a lineal descendant of his or a spouse of such ancestor or descendant; or*
 - (iii) a sibling of his or a spouse of such sibling.*

8. Seksyen 38(1A) dan (2) Akta 360 memperuntukkan seperti berikut:

(1A) In granting permission under paragraph (c), (d) or (e) of subsection (1), the Director General of Insolvency or the court may impose such conditions as he or it may think fit.

(2) A bankrupt who makes default in performing or observing this section or a condition imposed pursuant to subsection (1A) shall be deemed guilty of a contempt of court, and shall be punished accordingly on the application of the Director General of Insolvency.

9. Seksyen 85(4) Akta 360 pula memperuntukkan seperti berikut:

Discretionary powers of Director General of Insolvency and control thereof

85. (1) ...

(2) ...

(3) ...

(4) Subject to this Act, the Director General of Insolvency shall use his own discretion in the administration of the property of the bankrupt.

TATACARA PROSES PERMOHONAN SEKSYEN 38(1) DAN 85(4) AKTA 360 DI CAWANGAN

10. Bagi tujuan permohonan, bankrap hendaklah mengemukakan borang permohonan yang berkaitan diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen sokongan yang berkaitan kepada Cawangan. Senarai borang berkaitan bagi setiap permohonan boleh dirujuk di bahagian syarat-syarat permohonan dan borang-borang yang digunakan dalam arahan ini.

11. Sekiranya permohonan bankrap diterima di peringkat Ibu Pejabat, permohonan tersebut akan dipanjangkan kepada Cawangan berkaitan dalam tempoh satu (1) hari

bekerja selepas permohonan diterima daripada bankrap untuk permohonan diproses dan dipertimbangkan.

12. Setelah permohonan diterima Cawangan, PI akan menyemak permohonan bankrap dan memastikan permohonan yang lengkap dan teratur diterima daripada bankrap.

13. PI dikehendaki menyemak dan mengemukakan permohonan kepada PIN/KC dalam masa empat (4) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima untuk pertimbangan dan kelulusan. PIN/KC perlu membuat pertimbangan kelulusan atau penolakan permohonan bankrap dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas PI mengemukakan permohonan bankrap kepada PIN/KC. Tempoh masa keseluruhan Cawangan memproses permohonan dan mengeluarkan surat kelulusan atau penolakan adalah dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap daripada bankrap diterima oleh Cawangan dengan menggunakan format surat keputusan permohonan yang berkenaan.

14. Kesemua permohonan yang diterima hendaklah diproses dengan cara:

- (a) PI menyemak syarat-syarat dan kelayakan bankrap untuk pertimbangan kelulusan atau penolakan Cawangan;
- (b) PI melengkapkan Minit Senarai Semak Permohonan Seksyen 38(1) & 85(4) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] seperti di **Lampiran 1**;
- (c) PI mengemaskini permohonan dalam sistem INSIST;
- (d) Bagi jenis permohonan yang tiada pilihan kemaskini dalam sistem INSIST, hanya perlu melengkapkan Minit Senarai Semak Permohonan Seksyen 38(1) & 85(4) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] sahaja;
- (e) Sekiranya terdapat masalah tidak dapat mengakses dan mengemaskini permohonan dalam sistem INSIST, hanya perlu melengkapkan Minit Senarai Semak Permohonan Seksyen 38(1) & 85(4) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] sahaja. Kemaskini sistem INSIST perlu dibuat kemudian sekiranya sistem sudah boleh diakses dan dikemaskini semula;
- (f) PI menyerahkan fail untuk pertimbangan dan kelulusan PIN/KC;

- (g) Salinan Minit Senarai Semak Permohonan Seksyen 38(1) & 85(4) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] dan kemaskini yang dibuat dalam sistem INSIST hendaklah dicetak dan dilampirkan di dalam fail kes bankrap berkenaan; dan
- (h) Surat kelulusan / penolakan dikeluarkan kepada bankrap.

15. Sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak lengkap, Cawangan perlu mengarahkan bankrap bagi mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan dan lengkap kepada Cawangan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh kuir Cawangan menggunakan format Surat Kuir seperti di **Lampiran 2**. Cawangan perlu memaklumkan bankrap bahawa bankrap dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan permohonan sekiranya dokumen tidak dikemukakan oleh bankrap dalam tempoh tujuh (7) daripada tarikh kuir cawangan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(a) AKTA 360

16. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang seperti berikut:

- (a) Borang Permohonan Sanksi seperti di **Lampiran 3**;
- (b) Borang Aku Janji Bankrap seperti di **Lampiran 4**; dan
- (c) Borang Aku Janji Peguam seperti di **Lampiran 5** (jika bankrap melantik dan diwakili oleh peguam).

17. Bankrap atau peguam bankrap perlu mengemukakan dokumen yang perlu dilampirkan bersama dengan permohonan seperti berikut:

- (a) Writ Saman dan Penyata Tuntutan (jika ada);
- (b) Saman Pemula (jika ada);
- (c) Saman Dalam Kamar (jika ada);
- (d) Notis Rayuan / Notis Usul (jika ada);
- (e) Kronologi dan merit kes; dan
- (f) Apa-apa dokumen sokongan yang dirasakan wajar oleh cawangan.

18. PI perlu menyemak bilangan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman (PP & PP) / Perintah Kebankrapan (PK) yang dijatuhkan ke atas bankrap. Sekiranya bankrap mempunyai lebih daripada satu (1) kes kebankrapan, Cawangan perlu memastikan pertimbangan dibuat dengan mengambil kira semua kes kebankrapan. Sekiranya bankrap mempunyai lebih daripada satu (1) kes kebankrapan yang ditadbir oleh Cawangan lain selain Cawangan yang mentadbir permohonan, maklumat kes kebankrapan bankrap di Cawangan lain tersebut perlu diperolehi terlebih dahulu untuk dibuat pertimbangan dengan mengambil kira semua kes kebankrapan.

19. Cawangan tidak perlu meneliti merit kes di dalam mempertimbangkan permohonan sanksi dan cukup sekadar mengambil maklum akan kausa tindakan kes sahaja seperti yang diputuskan di bawah kes *KPI v Dato' Dr Chen Lip Keong & Ors* [2011] 8 CLJ 393.

20. Sanksi tidak diperlukan bagi kesemua kes di bawah bidang kuasa kebankrapan seperti berikut:

(a) Bankrap membuat rayuan dalam kebankrapan di bawah Seksyen 92 Akta 360;

- *Re Khoo Kim Hock* (1974) 2 MLJ 29
- *Re Lim Tai Nian Exp Kewangan Utama Bhd* (2001) 4 MLJ 78
- *Ho Ken Seng v Progressive Insurance Sdn Bhd* (201) 2 CLJ 601

(b) Bankrap membuat permohonan untuk membatalkan Perintah Kebankrapan di bawah Seksyen 105 Akta 360; dan

- *Re Khoo Kim Hock* (1974) 2 MLJ 29
- *Re Lim Tai Nian Exp Kewangan Utama Bhd* (2001) 4 MLJ 78

(c) Bankrap membuat permohonan untuk pelepasan mahkamah di bawah Seksyen 33 Akta 360.

- *Re Khoo Kim Hock* (1974) 2 MLJ 29
- *Re Lim Tai Nian Exp Kewangan Utama Bhd* (2001) 4 MLJ 78

21. Sanksi tidak diperlukan bagi kesemua kes di luar bawah bidang kuasa kebangkrapan seperti berikut:

- (a) Bankrap mengambil tindakan untuk ganti rugi berkenaan suatu kecederaan kepada dirinya;
- Re Khoo Kim Hock (1974) 2 MLJ 29
 - K Ismail Ganey Rowther 7 cp v Abdul Kader & The Official Assignee of the Property of KP Peer Mohamed, a Bankrupt (1993) MLJ 98
- (b) Bankrap menyenggara atau membela apa-apa tindakan di Mahkamah Syariah; dan
- Suhana Binti Alias v Syed Hassan Bin Syed Agil (Dalam Mahkamah Tinggi Syariah WPKL No. Kes: 14100-024-0017-2008, 14100-16-0108-2008 & 14100-021-0109-2008)
- (c) Bankrap membuat permohonan untuk mengetepikan penghakiman yang dijadikan asas kebangkrapan.
- Ho Ken Seng v Progressive Insurance Sdn Bhd [2013] 1 CLJ 518

Anantham Kasinather, Hakim Mahkamah Rayuan (menentang):

“(1) ... Dengan itu, ujian tersebut membolehkan si bankrap mencabar kesemua perintah yang dibuat oleh mahkamah kebangkrapan dalam melaksanakan bidang kuasa kebangkrapannya termasuk rayuan, seperti di dalam kes ini, malahan permohonan untuk mengetepikan penghakiman yang membentuk hal perkara prosiding kebangkrapan tanpa keperluan untuk memperoleh sanksi Pegawai Pemegang Harta.”

- Ho Ken Seng v Progressive Insurance Sdn Bhd [2013] 2 CLJ 601

Richard Malanjum, Hakim Besar (Sabah & Sarawak):

“(4) Oleh kerana semua aset seseorang sewaktu kebangkrapan akan beralih kepada KPI yang pada masa sama dikehendaki melindungi kepentingan pemiutang-pemiutang si bankrap, maka KPI berada dalam situasi konflik-kepentingan apabila diminta unuk memberikan sanksi kepada tindakan yang hendak diambil oleh si bankrap yang mungkin bertentangan dengan kepentingan pemiutang-pemiutang.”

22. Sanksi diperlukan bagi kesemua kes sivil kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 21.

23. Permohonan dan kelulusan sanksi ini hanya perlu dikeluarkan sekali sahaja sepanjang kes berlangsung dan sanksi yang dikeluarkan ini berkuatkuasa bermula dari permohonan bankrap. Kelulusan sanksi yang dikeluarkan ini terpakai untuk setiap tahap tindakan prosiding kes bermula daripada peringkat Mahkamah Rendah sehingga Mahkamah Persekutuan sama ada Writ Saman / Saman Pemula / Notis Rayuan / Notis Usul difailkan atau tidak. Bagi setiap sanksi yang dikeluarkan oleh Cawangan, ianya bertindak secara kebelakang (*retrospective*). Format Surat Kelulusan Sanksi adalah seperti di **Lampiran 6**.

24. Permohonan sanksi yang baharu diperlukan sekiranya terdapat penukaran peguamcara dan firma peguam oleh bankrap. Surat Keputusan Permohonan sanksi yang baharu perlu dikeluarkan dalam situasi ini.

25. Permohonan hendaklah diterima lengkap tidak kurang tujuh (7) hari dari tarikh sebutan / bicara kes. Bagi permohonan yang ditolak disebabkan permohonan diterima kurang tujuh (7) hari, bankrap tidak boleh merayu permohonan ditolak kepada Ibu Pejabat. Sekiranya bankrap ingin meneruskan permohonan tersebut, bankrap boleh memohon sanksi kepada Mahkamah. Format Surat Penolakan Sanksi adalah seperti di **Lampiran 7**.

26. Sekiranya bankrap tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Cawangan, bankrap boleh mengemukakan rayuan terus ke Mahkamah.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(c) AKTA 360

27. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang seperti berikut:

- (a) Borang Permohonan Ke Luar Negara seperti di **Lampiran 8**;
- (b) Borang Penjamin seperti di **Lampiran 9** (dilengkapkan oleh penjamin bankrap);
- (c) Borang Pembiaya seperti di **Lampiran 10** (dilengkapkan oleh pembiaya bankrap);
- (d) Borang Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan seperti di **Lampiran 11**; dan
- (e) Surat Akuan Sumpah seperti di **Lampiran 12** (dilengkapkan oleh bankrap dan penjamin).

28. Bankrap juga perlu mengemukakan dokumen sokongan mengikut keperluan dan fakta kes yang lengkap bagi menyokong permohonan tertakluk kepada tujuan dan alasan permohonan ke luar negara.

29. Pertimbangan Cawangan dalam permohonan bankrap perlu dibuat dan menetapkan syarat-syarat seperti berikut sebelum surat kelulusan boleh dikeluarkan dan diberikan kepada bankrap:

(a) Bankrap memenuhi syarat yang ditetapkan untuk ke luar negara. Alasan permohonan ke luar negara oleh bankrap yang boleh dipertimbangkan oleh Cawangan adalah:

- Bekerja;
- Mendapatkan rawatan perubatan;
- Mengerjakan Umrah / Haji / upacara keagamaan;
- Menziarahi ahli keluarga yang sakit atau meninggal dunia; atau

- Alasan-alasan lain yang difikirkan wajar diberikan pertimbangan di mana bankrap atau pemiutang akan memperoleh manfaat darinya.

- (b) Menetapkan tempoh lawatan dan bilangan negara yang boleh dilawati di luar negara;
- (c) Menetapkan kadar wang jaminan yang perlu dikemukakan oleh penjamin bankrap;
- (d) Menetapkan kadar wang yang perlu dikreditkan oleh bankrap dalam estet kebangkrapan;
- (e) Menyemak pematuhan bankrap dalam kes kebangkrapan seperti pembayaran pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE), pembayaran ansuran bulanan dan sebagainya; dan
- (f) Lain-lain syarat pematuhan yang difikirkan bersesuaian dikenakan kepada bankrap.

30. Bagi kes kebangkrapan yang belum diambil tindakan oleh Cawangan bagi mendapatkan persetujuan dan keizinan bankrap untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) berkaitan hal ehwal percukaian daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri serta hal ehwal caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), syarat-syarat tambahan (mana-mana yang berkaitan) boleh dimasukkan sebagai syarat pertimbangan untuk kelulusan diberikan. Format Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada LHDN Ataupun KWSP adalah masing-masing seperti di **Lampiran 13** dan **14**.

31. Permohonan hendaklah diterima lengkap tidak kurang tujuh (7) hari bekerja dari tarikh ke luar negara. Permohonan dengan borang dan dokumen yang lengkap yang hanya dikemukakan kurang dari tempoh tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh ke luar negara tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberikan dalam permohonan keadaan kes tertentu seperti kematian, sakit kronik yang memerlukan rawatan segera, bankrap diarahkan secara *ad-hoc* oleh majikan dan lain-lain sebab permohonan yang wajar dibenarkan oleh Cawangan.

32. Bagi perincian alasan dan syarat pertimbangan untuk kelulusan bolehlah merujuk kepada **Lampiran 15**.

33. Format Surat Kelulusan Ke Luar Negara adalah seperti di **Lampiran 16** manakala format Surat Penolakan Ke Luar Negara adalah seperti di **Lampiran 17**.

34. Selepas semua syarat ke luar negara dipatuhi oleh bankrap, Cawangan hendaklah mengemukakan Laporan Pengesahan Pematuhan Syarat Kelulusan Ke Luar Negara (MyIMMS) seperti format di **Lampiran 18** dan sesalinan Surat Kelulusan Ke Luar Negara melalui e-mel MyIMMS Bahagian Kebankrapan iaitu myimms.bankrap.mdi.gov.my untuk semakan dan selanjutnya akan mengemukakan pengesahan pematuhan ke luar negara kepada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi tujuan pengemaskinian sekatan MyIMMS.

35. Hanya PI yang dilantik oleh PIN/KC dibenarkan untuk mengakses e-mel MyIMMS dan mengemukakan maklumat kepada Bahagian Kebankrapan. PI yang dilantik hendaklah menukar kata laluan e-mel MyIMMS setiap tiga (3) bulan sekali tanpa gagal. PI yang dilantik dilarang untuk mendedahkan kata laluan e-mel MyIMMS kepada PI atau kakitangan Cawangan yang lain yang tidak diberi kuasa oleh PIN/KC. Untuk panduan yang lebih lanjut berkenaan dengan pengemaskinian status dalam sistem MyIMMS, sila rujuk kepada Arahan Jabatan berkenaan yang menerangkan berkenaan Garis Panduan Pengemaskinian Sistem MYIMMS Bagi Kes Kebankrapan.

SYARAT-SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(d) AKTA 360

36. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Menjalankan Peniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian Atau Menjadi Pengarah Syarikat / Terlibat Dengan Syarikat seperti di **Lampiran 19**.

37. Bankrap perlu mengemukakan dokumen yang perlu dilampirkan bersama dengan permohonan iaitu seperti berikut:

- (a) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan seperti di Lampiran 11 yang disokong dengan :

- Untuk pendapatan : Slip gaji 6 bulan yang terkini, baucar bayaran elaun / komisen, Borang Cukai Pendapatan ; dan
- Untuk Perbelanjaan : Resit bayaran dan bil-bil.

(b) Carian pendaftaran perniagaan / syarikat yang terkini ; dan

(c) Surat tawaran jawatan daripada majikan (untuk permohonan memegang jawatan sebagai pengarah syarikat).

38. Faktor-faktor yang boleh diambil kira dalam pertimbangan permohonan termasuklah perkara seperti berikut:

(a) Alasan permohonan;

(b) Kelakuan bankrap dalam kes kebangkrapan seperti kerjasama dengan Cawangan, mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Cawangan dan tidak melakukan kesalahan di bawah Akta 360; dan

(c) Pertimbangan di mana bankrap atau pemiutang akan memperoleh manfaat darinya.

39. Bagi kes kebangkrapan yang belum diambil tindakan oleh Cawangan bagi mendapatkan persetujuan dan keizinan bankrap untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) berkaitan hal ehwal percukaian daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri serta hal ehwal caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), syarat-syarat tambahan (mana-mana yang berkaitan) boleh dimasukkan sebagai syarat pertimbangan untuk kelulusan diberikan. Format Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada LHDN Ataupun KWSP adalah masing-masing seperti di Lampiran 13 dan 14.

40. Bagi permohonan yang melibatkan bankrap sebagai pemilik tunggal bagi perniagaan milikan tunggal, pertimbangan untuk memberi kebenaran bankrap terlibat dengan kawalan transaksi tunai melibatkan perniagaan bankrap boleh dipertimbangkan dengan syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- (a) Mengemukakan dokumen yang menunjukkan kedudukan kewangan modal yang dikeluarkan bankrap untuk perniagaan tersebut;
- (b) Menyerahkan senarai pekerja yang bekerja dengan perniagaan tersebut beserta nombor kad pengenalan, nombor SOCSO dan KWSP pekerja tersebut;
- (c) Memaklumkan mengenai aset-aset milik perniagaan bankrap;
- (d) Bankrap perlu mengemukakan penyata akaun bank perniagaan tersebut (sekiranya ada) pada tiap-tiap hari bulan pertama setiap bulan; dan
- (e) Syarat-syarat lain yang dirasakan bersesuaian dikenakan ke atas bankrap.

41. Format Surat Kelulusan Menjalankan Perniagaan Atau Terlibat Dengan Syarikat adalah seperti di **Lampiran 20** manakala format Surat Penolakan Menjalankan Perniagaan Atau Terlibat Dengan Syarikat adalah seperti di **Lampiran 21**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(e) AKTA 360

42. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga seperti di **Lampiran 22**.

43. Bankrap perlu mengemukakan dokumen yang perlu dilampirkan bersama dengan permohonan iaitu seperti berikut:

(a) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan seperti di Lampiran 11 yang disokong dengan :

- Untuk pendapatan : Slip gaji 6 bulan yang terkini, baucar bayaran elaun / komisen, Borang Cukai Pendapatan ; dan
- Untuk Perbelanjaan : Resit bayaran dan bil-bil.

(b) Surat tawaran daripada majikan ;

(c) Surat pengesahan tentang pertalian keluarga daripada majikan ; dan

(d) Carian pendaftaran perniagaan / syarikat majikan yang terkini.

44. Faktor-faktor yang boleh diambil kira dalam pertimbangan permohonan termasuklah perkara seperti berikut:

- (a) Alasan permohonan;
- (b) Kelakuan bankrap dalam kes kebangkrapan seperti kerjasama dengan Cawangan, mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Cawangan dan tidak melakukan kesalahan di bawah Akta 360; dan
- (c) Pertimbangan di mana bankrap atau pemiutang akan memperoleh manfaat darinya.

45. Bagi kes kebangkrapan yang belum diambil tindakan oleh Cawangan bagi mendapatkan persetujuan dan keizinan bankrap untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) berkaitan hal ehwal percukaian daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri serta hal ehwal caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), syarat-syarat tambahan (mana-mana yang berkaitan) boleh dimasukkan sebagai syarat pertimbangan untuk kelulusan diberikan. Format Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada LHDN Ataupun KWSP adalah masing-masing seperti di Lampiran 13 dan 14.

46. Format Surat Kelulusan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga adalah seperti di **Lampiran 23** manakala format Surat Penolakan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga adalah seperti di **Lampiran 24**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 85(4) AKTA 360

47. Berdasarkan peruntukan Seksyen 85(4) Akta 360, adalah jelas Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) mempunyai kuasa budi bicara dalam pentadbiran harta bankrap.

48. Walau bagaimanapun, kuasa budi bicara di bawah Seksyen 85(4) Akta 360 ini tidak terpakai kepada mana-mana harta bankrap yang tertakluk kepada peruntukan spesifik di bawah Akta 360.

49. Jenis-jenis permohonan yang boleh diproses di peringkat Cawangan adalah seperti berikut:

- (a) Pengeluaran wang (KWSP, ASNB, Tabung Haji, Cek, akaun simpanan, akaun bersama);
- (b) Pengurangan / pemberhentian ansuran bulanan;
- (c) Membuka / mengaktifkan akaun (Tabung Haji dan akaun simpanan);
- (d) Semua jenis permohonan lain (tidak termasuk hartanah bercagar atau kenderaan yang belum selesai pembayaran sewa beli).

50. Senarai semak dokumen yang perlu dilampirkan bagi permohonan di bawah Seksyen 85(4) Akta 360 adalah seperti disenaraikan di **Lampiran 25**.

51. Bagi kes kebangkrapan yang belum diambil tindakan oleh Cawangan bagi mendapatkan persetujuan dan keizinan bankrap untuk mendapatkan maklumat terkelas (*classified material*) berkaitan hal ehwal percukaian daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri serta hal ehwal caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), syarat-syarat tambahan (mana-mana yang berkaitan) boleh dimasukkan sebagai syarat pertimbangan untuk kelulusan diberikan. Format Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada LHDN Ataupun KWSP adalah masing-masing seperti di Lampiran 13 dan 14.

52. Format Surat Kelulusan Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta 360 adalah seperti di **Lampiran 26** manakala format Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta 360 adalah seperti di **Lampiran 27**.

ISU BERBANGKIT ATAU RAYUAN PERMOHONAN SEKSYEN 38(1) DAN 85(4) AKTA 360

53. Walau apa-apa yang terkandung dalam arahan ini, KPI mempunyai budi bicara dalam meluluskan atau menolak sesuatu permohonan dalam keadaan tertentu.

54. Walau apa-apa yang terkandung dalam arahan ini, KPI mempunyai budi bicara untuk membuat pengubahsuaian prosedur dan borang yang digunapakai dalam memproses permohonan bankrap tertakluk kepada keadaan khusus (*special circumstances*) yang memerlukan pengubahsuaian dibuat.

55. Sekiranya Cawangan mempunyai isu berbangkit dalam memproses permohonan bankrap di bawah Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360, isu tersebut perlu dirujuk kepada Ibu Pejabat untuk semakan dan pertimbangan.

56. Bagi kes-kes yang mana bankrap didapati melanggar mana-mana syarat kelulusan yang telah ditetapkan, Cawangan hendaklah mengambil tindakan menguatkuasakan syarat kelulusan permohonan dan tindakan penyiasatan dengan segera.

57. Sekiranya bankrap tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat di peringkat Cawangan, bankrap boleh mengemukakan rayuan kepada KPI.

58. Sekiranya permohonan rayuan bankrap diterima terus daripada bankrap di peringkat Ibu Pejabat tanpa melalui Cawangan, permohonan rayuan tersebut akan dipanjangkan dahulu kepada Cawangan berkaitan dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas permohonan rayuan diterima daripada bankrap untuk semakan dan mendapatkan maklumat status permohonan di Cawangan terlebih dahulu.

59. Cawangan hendaklah mengemukakan Memo Rayuan Permohonan Bankrap seperti format di **Lampiran 28** beserta dokumen dan maklumat yang lengkap kepada Ibu Pejabat untuk dipertimbangkan.

60. Rayuan bankrap yang lengkap hendaklah dihantar oleh Cawangan kepada Ibu Pejabat melalui e-mel dalam masa empat (4) hari bekerja dari tarikh rayuan yang lengkap diterima daripada bankrap. Rayuan pula hendaklah diproses dan diberi keputusan oleh Ibu pejabat dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh rayuan yang lengkap diterima daripada Cawangan.

61. Di peringkat Ibu Pejabat, bagi semua permohonan rayuan selain permohonan Seksyen 38(1)(c) Akta 360, rayuan hendaklah diproses di Bahagian Kebankrapan sahaja iaitu pertimbangan oleh Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan (PIBK) dengan menyediakan Memo Dalaman Bahagian Kebankrapan seperti di **Lampiran 29**.

62. Bagi permohonan rayuan Seksyen 38(1)(c) Akta 360 pula, rayuan bankrap perlu diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan KPI dengan menyediakan Memo Perhubungan Bahagian Kebankrapan seperti di **Lampiran 30**. Rayuan bankrap yang lengkap hendaklah dihantar untuk pertimbangan KPI dalam masa empat (4) hari dari tarikh rayuan yang lengkap diterima daripada bankrap.

PENURUNAN KUASA DAN KAWALAN

63. Garis Panduan ini akan memberi kuasa kepada Cawangan untuk memproses permohonan Seksyen 38(1) dan 85(4) Akta 360.

64. Setiap permohonan dan keputusan yang dibuat oleh Cawangan mengikut arahan ini hendaklah direkodkan oleh Cawangan menggunakan format Laporan yang disediakan oleh Ibu Pejabat. Laporan ini hendaklah dihantar kepada Ibu Pejabat setiap bulan berdasarkan arahan Ibu pejabat dari semasa ke semasa yang akan dimaklumkan melalui e-mel.

BORANG / DOKUMEN YANG DIGUNAKAN / DIRUJUK

65. Borang / dokumen yang digunakan / dirujuk dalam garis panduan ini adalah seperti berikut:

BORANG / DOKUMEN YANG DIGUNAKAN / DIRUJUK		
AM		
Bl.	Perkara	Lampiran
1.	Minit Senarai Semak Permohonan Seksyen 38(1) & 85 Akta Insolvensi 1967 [Akta 360]	1

2.	Surat Kuiri	2
SEKSYEN 38(1)(a) AKTA 360		
3.	Borang Permohonan Sanksi	3
4.	Borang Aku Janji Bankrap	4
5.	Borang Aku Janji Peguam	5
6.	Surat Kelulusan Sanksi	6
7.	Surat Penolakan Sanksi	7
SEKSYEN 38(1)(c) AKTA 360		
8.	Borang Permohonan Ke Luar Negara	8
9.	Borang Penjamin	9
10.	Borang Pembiaya	10
11.	Borang Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan	11
12.	Surat Akuan Sumpah	12
13.	Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada LHDN	13
14.	Borang Keizinan Mendapatkan Maklumat Terkelas Daripada KWSP	14
15.	Alasan dan Syarat Pertimbangan Untuk Kelulusan	15
16.	Surat Kelulusan Ke Luar Negara	16
17.	Surat Penolakan Ke Luar Negara	17
18.	Laporan Pengesahan Pematuhan Syarat Kelulusan Ke Luar Negara (MyIMMS)	18
SEKSYEN 38(1)(d) AKTA 360		
19.	Borang Permohonan Menjalankan Peniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian Atau Menjadi Pengarah Syarikat / Terlibat Dengan Syarikat	19
20.	Surat Kelulusan Menjalankan Perniagaan Atau Terlibat Dengan Syarikat	20
21.	Surat Penolakan Menjalankan Perniagaan Atau Terlibat Dengan Syarikat	21
SEKSYEN 38(1)(e) AKTA 360		
22.	Borang Permohonan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga	22

23.	Surat Kelulusan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga	23
24.	Surat Penolakan Bekerja Dengan Perniagaan Milikan Keluarga	24
SEKSYEN 85(4) AKTA 360		
25.	Senarai Semak Dokumen Yang Perlu Dilampirkan Bagi Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta 360	25
26.	Surat Kelulusan Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta 360	26
27.	Surat Penolakan Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta 360	27
RAYUAN		
28.	Memo Rayuan Permohonan Bankrap	28
29.	Memo Dalaman Bahagian Kebankrapan	29
30.	Memo Perhubungan Bahagian Kebankrapan	30

PEMBATALAN

66. Arahan-arahan Jabatan berkaitan dengan Seksyen 38(1) Akta 360 dan Seksyen 85(4) Akta 360 seperti berikut dengan ini dibatalkan:

- (a) Arahan KPI Bil. 1/2013 - Garis Panduan Penurunan Kuasa Ibu Pejabat Kepada Bagi Memproses Permohonan Di Bawah Seksyen 38 (1)(a), (c), (d) dan (e) Akta Kebankrapan 1967 (terpakai untuk Seksyen 38(1) (d) dan (e) Akta 360 sahaja);**
- (b) Arahan KPI Bil. 8/2018 - Garis Panduan Mengenai Permohonan Sanksi Di Bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Insolvensi 1967;**
- (c) Adendum Arahan KPI Bil 8/2018 bertarikh 06.07.2020;**
- (d) Arahan KPI Bil. 14/2016 - Garis Permohonan Mengenai Permohonan Ke Luar Negara Di Bawah seksyen 38(1) (c) Akta Kebankrapan 1967;**
- (e) Adendum Arahan KPI Bil 14/2016 bertarikh 08.10.2020;**
- (f) Arahan KPI Bil. 15/2016 - Garis Panduan Dan Peraturan Penurunan Kuasa Ibu Pejabat Cawangan Bagi Memproses Permohonan Di Bawah Seksyen 85(4) Akta Insolvensi 1967(Akta 360); dan**
- (g) Adendum Arahan KPI Bil. 15/2016 bertarikh 04.12.2020.**


KUAT KUASA

67. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.



(DATO' ANITA HARUN)
Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia

Tarikh: **20** Januari 2022



**MINIT SENARAI SEMAK
PERMOHONAN BANKRAP SEKSYEN 38(1) & 85(4) AKTA INSOLVENSI 1967
[AKTA 360]**

Nama Bankrap	:																									
No. K/P	:																									
No. Kes Kebankrapan	:																									
No Ruj. Cawangan	:																									
Jenis Permohonan	:	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%; border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td style="width: 50%;">Permohonan S.38(1)(a)</td> <td style="width: 10%; border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td style="width: 30%;">Rayuan pengeluaran estet</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Permohonan S.38(1)(c)</td> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Rayuan pengurangan ansura bulanan</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Permohonan S.38(1)(d)</td> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Rayuan Kos dan Fi</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Permohonan S.38(1)(e)</td> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Rayuan-rayuan lain:</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Rayuan menambah destinasi perjalanan – S.38(1)(c)</td> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>.....</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Rayuan pindaan/ penukaran tempoh kelulusan S.38(1)(c)</td> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>.....</td> </tr> </table>		Permohonan S.38(1)(a)		Rayuan pengeluaran estet		Permohonan S.38(1)(c)		Rayuan pengurangan ansura bulanan		Permohonan S.38(1)(d)		Rayuan Kos dan Fi		Permohonan S.38(1)(e)		Rayuan-rayuan lain:		Rayuan menambah destinasi perjalanan – S.38(1)(c)			Rayuan pindaan/ penukaran tempoh kelulusan S.38(1)(c)	
	Permohonan S.38(1)(a)		Rayuan pengeluaran estet																							
	Permohonan S.38(1)(c)		Rayuan pengurangan ansura bulanan																							
	Permohonan S.38(1)(d)		Rayuan Kos dan Fi																							
	Permohonan S.38(1)(e)		Rayuan-rayuan lain:																							
	Rayuan menambah destinasi perjalanan – S.38(1)(c)																								
	Rayuan pindaan/ penukaran tempoh kelulusan S.38(1)(c)																								
No. INSIST (yang berkenaan)	:																									
Dokumen Dilampirkan	:	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%; border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td style="width: 50%;">Lengkap</td> <td style="width: 40%;"></td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Tidak Lengkap :</td> <td>.....</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>.....</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>.....</td> </tr> </table>		Lengkap			Tidak Lengkap :												
	Lengkap																									
	Tidak Lengkap :																								
																									
																									
Tarikh Dokumen Lengkap Diterima	:																									
Fail fizikal	:	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%; border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td style="width: 50%;">Ada</td> <td style="width: 40%;"></td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black; height: 20px;"></td> <td>Tiada</td> <td></td> </tr> </table>		Ada			Tiada																			
	Ada																									
	Tiada																									

Ulasan Pegawai Insolvensi Seksyen Proses:

Tuan / Puan PPIN / PIK*,

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Disediakan oleh,

.....
(NAMA PI)
Pegawai Insolvensi
Tarikh:

Ulasan PKPIN/ PPIN / PIK:

Tuan / Puan PPIN/ PIN*,

.....
.....
.....
.....
.....

Ulasan PIN/ PPIN:

Seksyen Proses,

.....
.....
.....
.....
.....
.....

*Potong mana tidak berkenaan

SURAT KUIRI

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :

BERNAMA :

NO. K/P :

KUIRI PERMOHONAN BANKRAP : NYATAKAN JENIS PERMOHONAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Cawangan ini telah menerima permohonan tuan/puan pada _____ untuk _____ . Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang memerlukan penjelasan lanjut daripada pihak tuan/puan seperti berikut:

- 2.1 _____
- 2.2 _____

- *Kuiiri boleh dibuat termasuklah untuk mendapatkan penjelasan lanjut ataupun mendapatkan dokumen tambahan yang berkenaan.*

3. Sila pihak tuan/puan untuk memberi maklum balas kepada Cawangan ini dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh surat ini. Sekiranya tiada maklum balas daripada pihak tuan/puan, Cawangan menganggap tuan/puan tidak lagi berminat untuk meneruskan permohonan ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PIN / PKPIN / PPIN / KC)

Pengarah Negeri / Penolong Kanan Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri /
Ketua Cawangan
Jabatan Insolvency

b.p. Ketua Pengarah Insolvency

s.k.

Peguam Bankrap (sekiranya bankrap diwakili peguam)

*Potong mana tidak berkenaan



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)
CAWANGAN : _____

PERMOHONAN SANKSI DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(a) AKTA INSOLVENSİ 1967 [AKTA 360]

SILA LENGKAPKAN BORANG INI BESERTA DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP DAN SERAHKAN KEPADA CAWANGAN JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA YANG MENTADBIR KES KEBANKRAPAN ANDA TIDAK KURANG TUJUH (7) HARI DARI TARIKH BICARA

A. MAKLUMAT BANKRAP

No. Kes Kebankrapan	:	
No. Rujukan Cawangan	:	
Nama	:	
No. K/P	:	
Jantina	:	
Alamat Rumah	:	
Pekerjaan	:	
Pendapatan Sebulan (RM)	:	
Nama Majikan	:	
No. Telefon (H/P)	:	
No. Telefon (Rumah)	:	
E-mel	:	

B. MAKLUMAT PERMOHONAN SANKSI

Mahkamah	:	
No. Kes	:	
Pihak Plaintiff / Perayu	:	
Pihak Defendan	/ :	

Responden	:	
Tarikh Sebutan / Bicara (sekiranya telah ditetapkan)	:	
Nama Peguam	:	
Alamat Firma Peguam	:	
No. Telefon (H/P) Peguam	:	
No. Telefon (Pejabat) Peguam	:	
E-mel Peguam	:	

C. PERAKUAN BANKRAP

1. Saya mengesahkan segala maklumat yang diberi oleh saya seperti di atas adalah benar.
2. Saya bersetuju untuk mematuhi segala syarat yang dikenakan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) kepada saya.

Tandatangan Pemohon
Tarikh :

Senarai Dokumen Sokongan Yang Perlu Dikemukakan :

(a)	Kertas Kausa	
(b)	Kronologi dan Fakta Kes	
(c)	Merit Kes	

- Senarai dokumen sokongan di atas merupakan keperluan minimum yang perlu dipatuhi oleh bankrap bagi menyokong permohonannya. Mdl berhak meminta dokumen tambahan daripada bankrap mengikut fakta setiap permohonan.

**BORANG AKU JANJI BANKRAP UNTUK PERMOHONAN SANKSI DI BAWAH
SEKSYEN 38(1)(a) AKTA INSOLVENSII 1967 [AKTA 360]**

DALAM MAHKAMAH TINGGI _____

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.: _____

BER: _____

NO. K/P (Baru): _____

(Lama): _____

BAGI MEMULAKAN / MENERUSKAN TINDAKAN GUAMAN NO.:.....
DI MAHKAMAH.....

PIHAK-PIHAK:

AKU JANJI BANKRAP

BAHAWASANYA saya _____ No. Kad
Pengenalan, seorang bankrap dalam perkara kebangkrapan di
atas dengan ini memberi aku janji bahawa:

1. Saya akan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Insolvency (KPI) perkembangan kes ini dari masa ke semasa secara bertulis;
2. Sekiranya keputusan Mahkamah dalam tindakan guaman ini memihak kepada saya, saya akan menyerah kepada KPI apa-apa wang, pampasan dan faedah yang diterima oleh saya daripada tindakan guaman ini untuk dimasukkan ke dalam aset kebangkrapan saya;
3. KPI tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas apa-apa kegagalan, kerugian atau apa-apa kos yang terlibat atau dikenakan

oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam guaman dan / atau yang berbangkit daripada guaman tersebut; dan

4. Saya akan memaklumkan KPI sekiranya saya menukar peguamcara / firma guaman yang lain selain dari peguamcara / firma guaman ini.
5. Sekiranya penghakiman persetujuan dimasukkan, persetujuan KPI hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan saya akan memastikan bahawa terma-terma persetujuan tidak akan bercanggah atau menyalahi mana-mana peruntukan Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*].

Bertarikh : _____

Ditandatangani oleh,

(Nama: _____)

**BORANG AKU JANJI PEGUAM UNTUK PERMOHONAN SANKSI DI BAWAH
SEKSYEN 38(1)(a) AKTA INSOLVENSİ 1967 [AKTA 360]**

KEPALA SURAT RASMI FIRMA GUAMAN (*LEGAL FIRM'S OFFICIAL LETTERHEAD*)

DALAM MAHKAMAH TINGGI _____

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.: _____

BER: _____

NO. K/P (Baru): _____

(Lama): _____

BAGI MEMULAKAN / MENERUSKAN TINDAKAN GUAMAN NO.:.....
DI MAHKAMAH.....

PIHAK-PIHAK:

AKU JANJI PEGUAM

BAHAWASANYA saya _____ dari
firma _____ bersetuju untuk mewakili bankrap di dalam
tindakan guaman tersebut di atas. Saya dengan ini memberi aku janji bahawa:

1. Saya sedar bahawa Mahkamah Tinggi _____ telah
membuat Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman / Perintah
Kebankrapan terhadap bankrap di atas;
2. Saya tidak akan membuat apa-apa tuntutan kos, perbelanjaan atau apa-apa
bayaran terhadap estet bankrap atau Ketua Pengarah Insolvensi (KPI);
3. Saya akan memaklumkan kepada KPI perkembangan kes ini dari semasa ke
semasa secara bertulis;

4. Saya akan memaklumkan kepada KPI berhubung dengan rayuan yang akan difailkan ke Mahkamah yang lebih tinggi;
5. Sekiranya keputusan Mahkamah dalam tindakan guaman ini memihak kepada bankrap, saya akan menyerahkan kepada KPI apa-apa wang, pampasan dan faedah yang diterima oleh bankrap untuk dimasukkan ke dalam aset kebangkrutan bankrap;
6. KPI tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas apa-apa kegagalan, kerugian atau apa-apa kos yang terlibat atau dikenakan oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam guaman dan / atau yang berbangkit daripada guaman tersebut;
7. Saya akan memaklumkan KPI sekiranya saya tidak lagi mewakili / mengendalikan kes / rayuan ini; dan
8. Sekiranya penghakiman persetujuan dimasukkan, persetujuan KPI hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan saya akan memastikan bahawa terma-terma persetujuan tidak akan bercanggah atau menyalahi mana-mana peruntukan Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*].

Bertarikh : _____

Ditandatangani oleh,

(Nama firma guaman: _____)

SURAT KELULUSAN SANKSI

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap

.....

**Tanpa Prejudis
 Melalui pos/e-mel**

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :**BERNAMA :****NO. K/P :**

**PERMOHONAN SANKSI DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(a) AKTA INSOLVESI 1967
 [AKTA 360]**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat tuan/puan bertarikh _____.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) telah meluluskan sanksi untuk tuan meneruskan tindakan di Mahkamah _____ bagi kes Guaman No.: _____ dan melantik Tetuan _____ untuk mewakili tuan/puan dalam tindakan guaman tersebut.

3. Sila ambil maklum perkara-perkara yang berikut :

- (a) Permohonan dan kelulusan sanksi ini hanya perlu dikeluarkan sekali sahaja sepanjang kes berlangsung dan sanksi yang dikeluarkan ini berkuatkuasa bermula dari permohonan bankrap. Kelulusan sanksi yang dikeluarkan ini terpakai untuk setiap tahap tindakan prosiding kes bermula daripada peringkat Mahkamah Rendah sehingga Mahkamah Persekutuan sama ada Writ Saman / Saman Pemula / Notis Rayuan / Notis Usul difailkan atau tidak. Bagi setiap sanksi yang dikeluarkan oleh Cawangan, ianya bertindak secara kebelakang (*retrospective*);
- (b) Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas apa-apa kegagalan, kerugian dan apa-apa kos yang terlibat atau yang dikenakan oleh mana-mana pihak yang

terlibat dalam guaman dan / atau yang berbangkit daripada guaman tersebut;
dan

- (c) Sekiranya keputusan Mahkamah dalam tindakan guaman tersebut memihak kepada tuan, apa-apa wang, pampasan dan faedah yang diterima oleh puan hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia untuk dimasukkan ke dalam aset kebangkrapan tuan bagi faedah pemiutang-pemiutang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PIN / KC)

Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Cawangan

Jabatan Insolvensi

b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

1. Mahkamah
2. Peguam Bankrap
3. Bahagian Kebankrapan, Ibu Pejabat
4. Bahagian Mahkamah, Ibu Pejabat

*Potong mana tidak berkenaan

SURAT PENOLAKAN SANKSI

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap
.....
.....
.....

**Tanpa Prejudis
Melalui pos/e-mel**

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :

BERNAMA :

NO. K/P :

**PERMOHONAN SANKSI DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(a) AKTA INSOLVESI 1967
[AKTA 360]**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat tuan/puan bertarikh _____.

2. Cawangan ini telah menerima dan memproses permohonan tuan/puan untuk _____ . Adalah dimaklumkan pemolakan tuan/puan bagi memulakan / meneruskan tindakan di Mahkamah _____ adalah ditolak atas alasan seperti berikut:

2.1 Permohonan diterima lengkap kurang dari tujuh (7) hari dari tarikh sebutan / perbicaraan kes di Mahkamah;

2.2 _____

2.3 _____

3. Sekiranya tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan penolakan ini, tuan/puan boleh merayu keputusan ini ke Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NAMA PIN / KC)

Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Cawangan
Jabatan Insolvensi
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

1. Mahkamah
2. Peguam Bankrap
3. Bahagian Kebankrapan, Ibu Pejabat
4. Bahagian Mahkamah, Ibu Pejabat

*Potong mana tidak berkenaan



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)
CAWANGAN : _____

PERMOHONAN KE LUAR NEGARA DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(c) AKTA INSOLVENSİ 1967 [AKTA 360]

SILA LENGKAPKAN BORANG INI BESERTA DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP DAN SERAHKAN KEPADA CAWANGAN JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA YANG MENTADBIR KES KEBANKRAPAN ANDA TIDAK KURANG TUJUH (7) HARI BEKERJA DARI TARIKH KE LUAR NEGARA

A. MAKLUMAT BANKRAP

No. Kes Kebankrapan	:	
Sebab-sebab Kebankrapan	:	
No. Rujukan Cawangan	:	
Nama	:	
No. K/P	:	
Jantina	:	
Warganegara	:	
Status Perkahwinan	:	
Bilangan Tanggungan	:	
Alamat Rumah	:	
No. Passport	:	
Tarikh Luput Passport	:	
Pekerjaan	:	
Pendapatan Sebulan (RM)	:	
No. Telefon (H/P)	:	
No. Telefon (Rumah)	:	
E-mel	:	
Nama Majikan	:	

No. Telefon (Majikan)	:	
No. Faks (Majikan)	:	

B. MAKLUMAT PERMOHONAN KE LUAR NEGARA

Permohonan Kali Ke	:	
Nama Penjamin	:	
No. K/P Penjamin	:	
Nama Pembiaya	:	
No. K/P Pembiaya	:	

Bil.	Nama Negara	Tujuan	Tarikh Perjalanan		Alamat & No. Telefon Yang Dhubung Semasa Di Luar Negara
			Dari	Hingga	

C. PERAKUAN BANKRAP

1. Saya mengesahkan bahawa saya ada/tiada hutang dengan LHDN (), KWSP (), PTPTN (). Saya faham kegagalan saya menzahirkan maklumat keberhutangan saya dengan LHDN / KWSP / PTPTN akan menyebabkan saya dihalang ke luar negara walaupun Ketua Pengarah Insovensi telah meluluskan permohonan saya.
2. Saya mengesahkan segala maklumat yang diberi oleh saya seperti di atas adalah benar.
3. Saya bersetuju untuk mematuhi segala syarat yang dikenakan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) kepada saya.

Tandatangan Pemohon
Tarikh :

Senarai Dokumen Sokongan Yang Perlu Dikemukakan Kepada Cawangan Yang Mentadbir Kes :

Bil.	Perkara	Ada / Tiada
1.	Surat permohonan ke luar negara	
2.	<p>Borang-borang yang diisi dengan lengkap dan sempurna iaitu :</p> <p>(a) Borang Permohonan Ke Luar Negara ;</p> <p>(b) Borang Penjamin ;</p> <p>(c) Borang Pembiaya ;</p> <p>(d) Borang Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 6 Bulan ; dan</p> <p>(e) Salinan Surat Akuan Sumpah.</p>	
3.	<p>Dokumen-dokumen sokongan seperti :</p> <p>(a) Slip gaji / borang cukai pendapatan / dokumen lain yang mengesahkan pendapatan bankrap ; dan</p> <p>(b) Dokumen-dokumen yang menunjukkan perbelanjaan bankrap seperti bil utiliti, resit yuran persekolahan anak dan sebagainya.</p>	
4.	<p>Dokumen-dokumen tambahan berdasarkan tujuan/alasan untuk ke luar negara seperti :</p> <p>4.1 Bekerja</p> <p>(a) Surat perlantikan ;</p> <p>(b) Carian SSM terkini ;</p> <p>(c) Permit kerja (jika berkenaan) ;</p> <p>(d) Jika ke luar negara untuk bekerja dan menetap di suatu negara sepanjang tempoh kelulusan, sila kemukakan surat majikan yang mengesahkan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan ke luar negara ; • Pengesahan majikan bahawa bankrap akan bekerja dan menetap di negara tersebut sepanjang tempoh kelulusan ; • Nama negara ; • Tempoh masa lawatan ; • Gaji dan elaun diterima bankrap ; • Sama ada bankrap mendapat elaun untuk ke luar negara dan nyatakan jumlah elaun ; • Pengesahan majikan sama ada membiayai perbelanjaan ke luar negara / 	

dibiayai oleh bankrap sendiri ; dan

- Persetujuan majikan menjadi pembiaya dan penjamin.

(e) Jika diarahkan untuk bekerja di luar kawasan ke beberapa negara sepanjang tempoh kelulusan, sila kemukakan surat majikan yang mengesahkan perkara berikut :

- Tujuan ke luar negara ;
- Skop kerja ;
- Bilangan negara dan nama-nama negara yang ingin dilawati ;
- Tarikh / tentatif lawatan ke setiap negara ;
- Gaji dan elaun diterima bankrap ;
- Sama ada bankrap mendapat elaun untuk ke luar negara dan nyatakan jumlah elaun ;
- Pengesahan majikan sama ada membiayai perbelanjaan ke luar negara / dibiayai oleh bankrap sendiri ;
- Surat jemputan daripada luar negara ; dan
- Persetujuan majikan menjadi pembiaya dan penjamin.

4.2 Rawatan perubatan

- (a) Laporan perubatan oleh doktor bertauliah dalam negara yang mengesahkan mengenai penyakit yang dihadapi ;
- (b) Surat pengesahan daripada doktor bertauliah / pengamal perubatan alternatif di luar negara yang berkenaan mengenai rawatan yang akan diterima ; dan
- (c) Laporan oleh doktor di luar negara mengenai rawatan yang telah diberikan kepada bankrap semasa tempoh kelulusan selepas kembali ke Malaysia.

4.3 Mengerjakan umrah/haji atau menghadiri upacara keagamaan

Sila kemukakan surat tawaran untuk mengerjakan umrah/haji atau alamat tempat beribadat

4.4 Menziarahi ahli keluarga yang sakit / meninggal dunia

Sila kemukakan laporan perubatan / sijil kematian ahli keluarga yang berkenaan sama ada sebelum bertolak atau selepas pulang ke Malaysia.

4.5 Lain-lain tujuan

Sila kemukakan dokumen yang boleh menyokong permohonan atas alasan lain-lain

	tujuan tersebut.	
--	------------------	--

- Senarai dokumen sokongan di atas merupakan keperluan minimum yang perlu dipatuhi oleh bankrap bagi menyokong permohonannya. Mdl berhak meminta dokumen tambahan daripada bankrap mengikut fakta setiap permohonan.





JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdl)
CAWANGAN : _____

PERMOHONAN KE LUAR NEGARA DI BAWAH SEKSYEN 38(1)(c) AKTA INSOLVENSİ 1967 [AKTA 360]

BORANG PENJAMIN

MAKLUMAT PENJAMIN

Nama	:	
No. K/P	:	
Jantina	:	
Warganegara	:	
Alamat Rumah	:	
Nama Bankrap	:	
No. K/P Bankrap	:	
No. Kes Kebankrapan	:	
Pertalian Dengan Bankrap	:	
Pekerjaan	:	
Pendapatan Sebulan (RM)	:	
Nama Bank dan No. Akaun Bank Penjamin*	:	
No. Telefon (H/P)	:	
No. Telefon (Rumah)	:	
E-mel	:	

AKU JANJI PENJAMIN

Saya _____ No. K/P _____
dengan ini bersetuju untuk menjadi penjamin bagi perjalanan bankrap bernama

_____ No. K/P _____ untuk ke
_____ (nama negara) atas urusan _____ mulai
_____ hingga _____

Sekiranya permohonan bankrap untuk ke luar negara dibenarkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, saya bersetuju dan mengaku janji untuk melaksanakan perkara berikut:

- (i) Menyempurnakan Bon Jaminan yang ditetapkan;
- (ii) Mengemukakan wang jaminan seperti yang ditetapkan dalam surat kelulusan ke luar negara;
- (iii) Memastikan bankrap mematuhi syarat-syarat kelulusan ke luar negara; dan
- (iv) Memastikan bankrap membuat bayaran ansuran bulanan tanpa gagal sepanjang tempoh perjalanan di luar negara sehingga beliau kembali ke Malaysia.

